

# Transformasi kurikulum pendidikan pastikan graduan kekal relevan

**Prof Datuk Dr Mohamed Ibrahim Abdul Mutalib**, Presiden Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT)

**Perdana** Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika melancarkan penerbitan Kolej Vokasional Pengerang pada 5 April lalu menekankan supaya institusi pendidikan perlu berusaha mempercepat pengenalan kursus dan disiplin baharu.

Langkah ini katanya penting bagi melahirkan lebih ramai tenaga kerja mahir serta pakar tempatan mampu memenuhi keperluan industri dan teknologi semakin berkembang pesat.

Hakikatnya, keperluan untuk memperkenalkan kursus dan disiplin baharu dengan pantas menjadi semakin mendesak, seiring dengan kecepatan evolusi teknologi serta dinamik industri global.

Maka, universiti perlu sentiasa mengenal pasti bidang baharu diperlukan industri domestik dan pada peringkat global. Institusi pendidikan tidak boleh lagi ditadbir proses birokrasi panjang.

Sebaliknya, transformasi ke arah sistem lebih tangkas, responsif dan berpaksikan keperluan industri adalah kritikal bagi memastikan graduan kekal relevan serta berdaya saing pada peringkat antarabangsa.

Dalam konteks ini, institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) dilihat lebih kompetitif berbanding institusi pengajian tinggi awam (IPTA), khususnya dari segi keupayaan inovasi pembangunan program akademik.

Struktur pengurusan lebih fleksibel membolehkan IPTS menyesuaikan kurikulum dengan pantas selaras dengan perkembangan pasaran dan teknologi semasa.

Fleksibiliti ini membuka ruang untuk penerokaan bidang kritikal seperti kecerdasan buatan (AI), keselamatan siber dan teknologi kenderaan elektrik (EV) dalam tempoh lebih singkat.

Hasilnya, terdapat IPTS berjaya meningkatkan kedudukan mereka pada peringkat global secara signifikan melalui penekanan terhadap inovasi, kerjasama industri yang kukuh serta kebolehpasaran graduan tinggi.

## Pantas perkenal kursus baharu

Dalam hal ini, pendekatan progresif dan dinamik IPTS boleh diteladani bagi memperkukuh usaha melahirkan graduan relevan dengan keperluan hari ini serta masa depan dan bersedia menghadapi cabaran global.

Kepantasan memperkenalkan kursus baharu di institusi pengajian tinggi (IPT) perlu diseimbangkan dengan mekanisme jaminan kualiti



mantap supaya standard pendidikan negara tetap terpelihara.

Justeru, IPT harus menekankan kompetensi serta keperluan sebenar industri. Pendekatan ini memastikan setiap program bukan sahaja memenuhi piawaian akademik ketat, malah selari kehendak pasaran kerja dan industri sentiasa berkembang.

Universiti tempatan perlu meningkatkan kerjasama dengan Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) dalam proses penentuan dan pembangunan kursus baharu.

Kerjasama ini membolehkan pendekatan akreditasi lebih progresif, dinamik dan responsif terhadap keperluan semasa. Akhirnya, kurikulum dibangunkan bukan sahaja memenuhi standard profesional, malah lebih selaras dengan trend teknologi dan kehendak industri masa hadapan.

Usaha memperkukuh perkara ini melalui kerjasama industri lebih strategik bergerak melepasi sekadar perkongsian ilmu kepada inisiatif seperti penyelidikan bersama, pembangunan projek inovatif dan penempatan industri. Ia bagi memastikan graduan bersedia dan tangkas menghadapi keperluan pasaran kerja.

Transformasi kurikulum pendidikan tinggi bukan sekadar satu keperluan akademik, tetapi langkah strategik bagi memastikan graduan kekal relevan dan berdaya saing.

Keupayaan IPT memperkenalkan kursus baharu dengan pantas serta disokong mekanisme jaminan kualiti melalui badan profesional seperti MBOT akan menjadi tunjang utama melahirkan tenaga kerja mahir dan pakar tempatan.

Integrasi elemen teknologi, termasuk AI serta pengukuhan kerjasama strategik dengan industri akan memastikan graduan bukan sahaja berpengetahuan, tetapi bersedia menghadapi cabaran dunia kerja sentiasa berubah.